

Ejen pembangunan negeri

Universiti perlu jadi pemangkin perubahan bagi kemajuan kawasan sekitar

Berita Harian 14 OCT 2010 — 20 OCT 2010 M/S 5

S Kepentingan peranan institusi pengajian tinggi awam (IPTA) memberi sumbangan dan kepakaran untuk pembangunan negeri dituntut ramai pihak. Sejauh mana kesedaran IPTA menayakan sumbangan masing-masing kepada pembangunan negeri khususnya dan negara amnya.

J Perubahan senario global dalam pengajian tinggi pada masa kini memberi kesan kepada hala tuju pembangunan negara. Kita sedia maklum bahawa pendidikan asas kepada pembangunan sosioekonomi selain menjana masyarakat kelas pertama bagi merealisasikan sasaran menjadi negara maju menjelang 2020. Atas kesedaran itu, transformasi pendidikan tinggi penting dilaksanakan bagi mencapai sasaran itu

Perubahan dinamik senario pengajian tinggi dunia memerlukan perubahan drastik IPT. Jika Malaysia ingin muncul sebagai hab kecemerlangan pendidikan tinggi, kita perlu melihat pelbagai isu termasuk kualiti graduan dan kebolehpasaran

WUJUDNYA institusi pengajian tinggi (IPT) di sesebuah negeri bukan sekadar untuk menjadi gedung melahirkan graduan berdaya saing, namun pada masa yang sama turut berperanan sebagai ejen ekonomi dan pembangunan negeri. Ikuti pandangan Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof Datuk Seri Panglima Dr Kamaruzaman Ampon mengenai isu itu kepada wartawan *Varsiti*, Khairina Yasin.

pada pihak ahli akademik dan mahasiswa kepada pembangunan negeri?

J UMS mula bertapak di Sandakan atau dengan lebih tepat lagi di kawasan bergegar hab pendidikan Sandakan yang juga antara projek utama di bawah Koridor Pembangunan Sabah. Idea penubuhan hab pendidikan Sandakan dice-



bidang kekuatan pembangunan ekonomi negeri pada masa hadapan.

Kerjasama terjalin turut membolehkan UMS membuka kampus cawangan di beberapa daerah seperti Sandakan, Kudat dan Keningau yang membawa limpahan pembangunan bakal menguntungkan masyarakat setempat. Sepanjang tempoh 15 tahun, UMS komited untuk terus menjalankan program khidmat masyarakat terutama kepada masyarakat di luar bandar sejajar dengan falsafah penubuhannya, iaitu berbakti bagi mencapai kesejahteraan masyarakat dan negara.

S Sejauh mana IPT meletakkan tanggungjawab sebagai ejen ekonomi dan pembangunan negeri selain tanggungjawab hakiki sebagai gedung melahirkan graduan berkeupayaan.

J IPT turut memainkan peranan besar dalam pembangunan ekonomi negara menerusi aktiviti penyelidikan dan inovasi. UMS sudah

biodiversiti, flora dan fauna yang perlu dieksploitasi secara optimum. Ia juga mampu membantu ekonomi Sabah berkembang secara konsisten dan saya percaya potensi ekonominya sangat luar biasa.

S Dengan apa yang dibawa UMS, apa harapan Datuk terhadap pembangunan negeri Sabah?

J Harapan saya agar konsep 1 Keluarga 1 Graduan dalam kalangan warga Sabah dapat direalisasikan segera dengan harapan ia mampu membina kepada perubahan taraf ekonomi rakyat seterusnya menjadikan Sabah muncul sebagai antara negeri maju di Malaysia. Hasrat ini tidak mustahil untuk dicapai, malah tidak sukar untuk melahirkan peguam, doktor, jurutera, arkitek atau mungkin juga seorang Perdana Menteri kelahiran Sabah sekiranya konsep ini mampu dihayati kelompok masyarakat. Pada hemat saya, nadi utama kecemerlangan sesebuah universiti adalah kualiti pengajaran dan pembelajaran yang disediakan.

(employability), kedudukan IPT dunia selain penerimaan umum terhadap IPT.

Sejak mencapai kemerdekaan, negara telah melalui pembanguan fasa utama transformasi ekonomi Asean. Fasa berkenaan berperanan penting dalam memandu langkah ke arah pembangunan negara yang berdaya saing. Kini negara berada pada alaf baru yang menyaksikan perkembangan ekonomi sejagat dan berorientasi pengetahuan.

Ini bermaksud daya saing sesebuah negara dan kejayaan pada peringkat global bergantung kepada pengetahuan dan inovasi yang dihasilkan. Kedua-dua faktor itu menjadi tanggungjawab utama IPT dan satu pendekatan serta transformasi yang bersifat holistik, berstruktur dan strategik perlu diambil bagi menanganai cabaran ini.

S Apakah bentuk sumbangan yang dapat disalurkan universiti baik

“*Antara faktor utama penubuhan sesebuah IPT ialah memberi khidmat masyarakat kepada penduduk setempat dan hari ini, kita dapat lihat setiap negeri kini mempunyai universiti masing-masing dan ia sekali gus membuktikan komitmen kerajaan terhadap pembangunan modal insan*”

Dr Kamaruzaman Ampon
Naib Canselor
Universiti Malaysia Sabah

tusukan Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Musa Aman yang prihatin terhadap kepentingan rakyat, terutama dalam soal pendidikan. Hab pendidikan yang merangkumi kawasan seluas 542 hektar ini menjadi tumpuan utama kepada IPT awam dan swasta selain pusat latihan bagi melahirkan modal insan berkualiti dan berkemahiran tinggi. Ia juga dilihat sebagai usaha menjana dan memberi impak besar kepada perkembangan ekonomi Sandakan dan daerah berhampiran di pantai timur Sabah.

Kampus UMS cawangan Sandakan yang menempatkan Sekolah Pertanian Lestari dibina menerusi dua fasa iaitu fasa pertama yang menelan belanja sebanyak RM112 juta dan dijangka siap pada 2010. Pembinaan fasa kedua pula menyusul dengan kos RM114 juta menjadikan keseluruhan pembinaan kampus berjumlah RM226 juta.

UMS juga membuka Pusat Perubatan Pendidikan Desa di Sikuati, Kudat pada 2009 yang menyediakan prasarana berorientasikan penyelidikan selain peranan utama sebagai pusat khidmat masyarakat di luar bandar. Aktiviti penyelidikan pula lebih tertumpu kepada bidang kesihatan masyarakat khususnya berkaitan penyakit tropikal dan penyakit utama di Sabah.

Antara faktor utama penubuhan sesebuah IPT ialah memberi khidmat masyarakat kepada penduduk setempat dan hari ini, kita dapat lihat setiap negeri kini mempunyai universiti masing-masing dan ia sekali gus membuktikan komitmen kerajaan terhadap pembangunan modal insan. Galakan mahasiswa universiti menganjurkan program berbentuk kemasyarakatan juga diperhebatkan bagi membolehkan mahasiswa bijak pandai mampu menyumbang dalam konteks sumbangan buah fikiran, infrastruktur dan bantuan kewangan.

Pelaburan jutaan ringgit kerajaan dalam bidang pendidikan penting bagi memastikan masyarakat terus mendapat manfaat hasil penubuhan sesebuah universiti di kawasan mereka dan usaha ini diteruskan bagi merealisasikan wawasan negara. Kini, kita sudah dapat melihat hasilnya apabila statistik terkini menunjukkan bilangan pelajar luar bandar yang berjaya memasuki universiti meningkat

dengan mendadak terutama di Sabah.

S Se jauh mana perkongsian universiti dan negeri dapat memberi manfaat kepada kedua belah pihak khususnya dalam usaha membangunkan negeri?

J Sinergi antara UMS dengan kerajaan Sabah banyak memberi manfaat yang berupaya meningkatkan kualiti dan produktiviti penyelidikan dalam mewujudkan sumber penjaanaan kekayaan baru kepada masyarakat dan negara. UMS berpengalaman dan mempunyai kepakaran dalam bidang yang tersendiri. Kita sedia maklum negara bakal berdepan dengan ekonomi berasaskan bioteknologi selepas kematangan ekonomi berasaskan ICT.

Saya percaya kerajaan Sabah sudah membuat persediaan untuk melalui proses transformasi ini. Sabah harus mendahului usaha membangunkan ekonomi berasaskan bioteknologi kerana dianugerahkan dengan alam sekitar yang kaya serta sumber lautan bernilai yang perlu diterokai. Kajian menunjukkan 90 peratus sumber farmaseutikal datang dari dasar lautan dan ia masih belum diteroka. Dengan tenaga kepakaran yang ada, UMS membentuk sinergi dengan beberapa agensi kerajaan negeri yang berkaitan dengan menyediakan Sabah Biotechnology Masterplan sebagai antara

dengan mendadak terutama di Sabah. Justeru, UMS akan terus melakukan anjakan paradigma dan berusaha melahirkan lebih ramai graduan serta para akademik berkualiti dan bertaraf dunia. Peningkatan kualiti penyelidikan ilmiah akan terus digerakkan menerusi pembabitan tenaga akademik di persada antarabangsa dan saya percaya di bawah kepimpinan Datuk Seri Musa dan barisan kabinetnya, masyarakat negeri ini berupaya menecapi lebih banyak nikmat pembangunan yang bersifat menyeluruh yang mengambil kira penyertaan serta pembabitan semua kaum, selaras dengan slogan 1Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan.

Dasar UMS turut menggalakkan penyelidikan dalam bidang kekuatan dikenal pasti yang relevan dan responsif kepada kehendak semasa serta memberi impak jangka panjang terhadap sosioekonomi penduduk. Selain itu, universiti turut menggalakkan penyelidikan berkumpulan bersifat sepadu, holistik membabitkan kolaborasi antara pelbagai disiplin, sektor dan institusi penyelidikan dalam dan luar negara.

Antara pelan tindakan yang diambil UMS ialah membangunkan persekitaran kondusif untuk penyelidikan, membina daya kepimpinan dalam penyelidikan dan inovasi, mempromosi dan menekankan penyelidikan dengan mengiktiraf bidang kekuatan termasuk biodiversiti marin, biodiversiti terestrial, produk sains berasaskan herba dan alam semula jadi, akuakultur, etnografi, kajian sosial psiko, sosioekonomi dan pembangunan kebudayaan. Bidang kekuatan terbabit amat signifikan kepada pembangunan Sabah yang sememangnya kaya dengan sumber laut, kepelbagaian

Justeru, UMS akan terus melakukan anjakan paradigma dan berusaha melahirkan lebih ramai graduan serta para akademik berkualiti dan bertaraf dunia. Peningkatan kualiti penyelidikan ilmiah akan terus digerakkan menerusi pembabitan tenaga akademik di persada antarabangsa dan saya percaya di bawah kepimpinan Datuk Seri Musa dan barisan kabinetnya, masyarakat negeri ini berupaya menecapi lebih banyak nikmat pembangunan yang bersifat menyeluruh yang mengambil kira penyertaan serta pembabitan semua kaum, selaras dengan slogan 1Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan.

Diari kampus



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

UNIVERSITI Malaysia Kelantan melalui Fakulti Agro Industri dan Sumber Asli (FASA) akan menganjurkan Persidangan Kebangsaan Industri Akuakultur dari 19 hingga 20 Oktober ini di Hotel Grand Riverview di Kota Bharu. Maklumat lanjut mengenai persidangan hubungi sekretariat persidangan melalui talian 09-7717226 atau faks 09-7717232.